

Ucapan Menteri Kewangan Malaysia, YAB Tun Daim Zainuddin kepada kakitangan Kementerian pada 11hb Ogos, 1984

Y.B. Tan Sri Thong,

Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

Saya mengucapkan berbilang-bilang terima kasih kepada Y.B. Tan Sri Thong dan semua pegawai Kementerian yang telah bersusah payah untuk menyediakan taklimat kepada saya mengenai tugas-tugas kementerian ini. Walaupun sebelum ini saya sudah mengenali sedikit sebanyak Kementerian ini, tetapi melalui taklimat yang baharu diberikan tadi, kini saya mempunyai gambaran yang lebih jelas mengenai peranan Kementerian Kewangan. Saya percaya dalam beberapa minggu akan datang, apabila kita lebih mengenali di antara satu sama lain dan melalui pertemuan-pertemuan yang akan diadakan, saya akan memperolehi pengetahuan yang lebih mendalam lagi tentang kegiatan-kegiatan Kementerian ini.

Pada pagi ini, saya tidak berhajat hendak bercakap panjang, cuma ada satu, dua perkara sahaja yang ingin saya pesan kepada tuan-tuan dan puan-puan sekalian. Saya bersyukur kehadiran Allah S.N.W. kerana diberikan kepercayaan bagi memimpin Kementerian yang penting ini. I know you all think that this is the most important Ministry in this country. Ini mungkin betul. Walaubagaimanapun, pada pandangan saya, Kementerian Kewangan merupakan salah satu daripada kementerian-kementerian terpenting di negara ini.

Apabila saya diminta untuk memikul tugas yang berat ini, saya berasa gentar sedikit tetapi, pada masa yang sama saya berasa gembira kerana penghormatan dan kepercayaan yang telah diberikan kepada saya. Bagi menjalankan tugas dengan sempurna, sudah pasti saya memerlukan sokongan yang tidak berbelah bagi daripada semua pegawai dan kakitangan kementerian ini. Bagi pihak diri saya, saya berikrar akan menjalankan tugas dengan penuh dedikasi dan sedaya upaya supaya mandat yang diberikan oleh pucuk pimpinan negara tidak akan disia-siakan.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

Y.B.M. Tengku Razaleigh semasa di Kementerian ini, pada hemat saya, telah memberikan perkhidmatan yang amat cemerlang sekali. Tuan-Tuan dan Puan-Puan sudah tentu mengingati dengan jelas, tentang sumbangan-sumbangan yang telah beliau berikan kepada negara amnya dan Kementerian ini khususnya. Sudah pasti sukar bagi saya untuk menandingi kepakaran beliau dalam bidang ekonomi dan kewangan. Walaubagaimanapun, saya akan cuba meet the high standards set by Tengku Razaleigh.

Sepertimana Tuan-Tuan dan Puan-Puan sedia maklum, saya adalah muka baru dalam Kabinet. Bukan sahaja baru dalam Kabinet, tetapi saya ini masih mentah lagi dalam bidang National Economic and Financial Management. Oleh itu banyak perkara-perkara baharu yang perlu saya pelajari daripada Tuan-tuan dan Puan-puan, yang saya tahu merupakan pakar-pakar belaka dalam bidang masing-masing, saya berharap tuan-tian dan puan-puan semua adalah sentiasa ever willing untuk memberikan tunjuk-ajar kepada saya.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

Walaupun pengetahuan saya dalam bidang National Economic and Financial Management agak cetek, saya yakin bahawa pengalaman luas saya dalam sector swasta akan dapat membantu saya dalam menjalankan tugas di Kementerian ini. Saya berharap pengalaman dan pengetahuan yang ada pada saya ini akan dapat digabungkan atau complement, dengan kepakaran tuan-tuan dalam bidang ekonomi dan kewangan, supaya dapat kita ujudkan dasar-dasar yang 'sound' bagi menjadikan negara yang lebih makmur dan disegani oleh masyarakat antarabangsa sepertimana yang diidam-idamkan oleh pucuk pimpinan negara kita.

As my knowledge of the Ministry at this stage is still negligible, it is under of me to make any policy statements or to set broad guidelines on what the Ministry ought to do. For today, I only wish to emphasize three things.

Firstly, I expect the highest level of discipline among all my officers. Needless to say everyone has to be in their offices before 8 in the morning and during offices hours perform their duties conscientiously.

Secondly, I hope all officers will work hard and produce work o the highest quality. If there is work to be done after hours, and there is a need to stay back, I expect you all to stay back. I know that many of you have been putting in long hours, especially near budget time. I am sure this will continue.

Finally, I think we all should be working towards enhancing the image of the Ministry by improving the overall level of efficiency and get rid of some negative and undesirable practices. There has been some rumbling outside, regarding corruption in this Ministry. My stand on corruption is this – I will not defend anyone involved in corruption. On the other hand, I will be the first to defend honest officers. Of course, there will always be people who criticized us but for as long as we are honest with ourselves, we need not fear anyone. I therefore would like to urge all of you to continuously bear this in mind.

Jadi tuan-tuan dan puan-puan, buat hari ini, itu saja pesanan saya, saya harap we will all live up to the Government's promise to the people, untuk mewujudkan satu pentadbiran yang lebih bersih, cekap dan amanah. Saya yakin bahawa dengan sokongan dan kerjasama Tuan-tuan dan Puan-puan semua, kita dapat bersama memberikan perkhidmatan cemerlang kepada bangsa dan negara.

Sekian.